

Jejak Sakura UMS teroka k-sama di Negara Matahari Terbit

NST 15 Jun. 2013 II

KOTA KINABALU: Satu delegasi Jejak Sakura Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2013 telah diadakan baru-baru ini ke universiti-universiti sekitar Tokyo, Jepun.

Delegasi tersebut yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur turut disertai Pensyarah Kanan UMS, Dr. Khairul Anuar Mohamad dan lima ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS.

Pada lawatan pertama, delegasi itu telah mengunjungi perpustakaan, dewan kuliah, kompleks sukan dan asrama pelajar kampus Tokyo University of Foreign Studies (TUFS) dengan diiringi Pegawai universiti tersebut, Matsushita Daisuke.

Selain dibawa ke sekitar kawasan menarik, delegasi dari universiti Eko Kampus itu turut diberi taklimat mengenai bidang pendidikan dan penyelidikan universiti berkenaan oleh Pengarah Hal Ehwal Akademik TUFS, Prof. Dr. Miyazaki Koji dan Ketua Jabatan Program Bahasa Melayu TUFS, Prof. Madya Dr. Soda Naoki.



RAKAM KENANGAN ... Delegasi Jejak Sakura UMS 2013 melawat Tokyo University of Foreign Studies (TUFS). Dari kiri Emryul Syafiq Harun, Mohd Syamsul Samsuddin, Dr. Khairul Anuar Mohamad, En. Matsushita Daisuke, Dr. Kasim, Dr. Soda, Mohd Juhar Md Najib Rubin, dan Sharifah Yong Nadia Omar Salleh.

Pada taklimat itu, Dr. Soda memberitahu Program Pengajian Melayu merupakan salah satu program yang ditawarkan di TUFS. Katanya, walaupun terdapat banyak universiti-universiti di Jepun menawarkan Pengajian Bahasa Melayu sebagai subjek elektif atau subjek bahasa kedua, namun di negara itu hanya terdapat beberapa buah universiti sahaja yang menawarkan Program Ijazah Sarjana dalam Pengajian Melayu. Beliau turut memaklumkan bahawa Bahasa Melayu telah mula diajarkan di Jepun sejak tahun 1908.

Delegasi itu kemudiannya dibawa untuk melihat sendiri sesi kuliah Bahasa Melayu yang diajar oleh Pensyarah warganegara Malaysia, Prof. Madya Faridah Mohamed. Kesemua ahli delegasi nyata amat teruja melihat ketekunan para pelajar negara Matahari Terbit itu mempelajari Bahasa Melayu selain kemampuan menulis dan membaca tulisan Jawi.

Pada kesempatan itu, Dr. Kasim turut mempelawa para pelajar Program Pengajian Bahasa Melayu untuk datang melawat UMS

dan turut serta dalam Program Homestay bagi mereka mempelajari dialek, adat dan budaya masyarakat Sabah di samping menikmati keindahan Kota Kinabalu.

Presiden MPP UMS, Mohd Juhar Harun yang turut serta dalam lawatan itu turut terpegun dengan pertuturan Bahasa Melayu yang fasih dan susunan tatabahasa yang kemas dalam kalangan para pelajar Jepun tersebut. Beliau berkata, besarlah harapannya agar satu jalinan kerjasama mampu diwujudkan melibatkan para pelajar TUFS-UMS sebagai usaha untuk membantu mereka mendalami ilmu Bahasa Melayu.

Sejurus selesai lawatan ke TUFS, delegasi universiti Eko Kampus itu kemudiannya melawat ke University Electro-Communications (UEC), sebuah universiti yang berteraskan Sains dan Teknologi khususnya dalam bidang sains informasi dan komputer, kejuruteraan electronic/mekatronik, fizik dan Kimia Gunaan serta Sains Laser. Di universiti tersebut mereka telah disambut Pengarah Perhubungan Antarabangsa, Prof. Dr. Hamano

Nobuo dan Prof. Madya Dr. Choo Cheow Keong.

Ahli delegasi kemudiannya diberi taklimat mengenai asas penubuhan dan program-program yang ditawarkan di universiti berkenaan. Datuk Dr. Hj. Kasim turut menyuarakan hasrat dan minat UMS untuk berkerjasama dengan UEC di dalam kepakaran Sains dan Kejuruteraan dengan melibatkan pertukaran staf akademik dan pelajar dalam bidang pendidikan dan penyelidikan.

Sementara itu, ahli MPP juga sempat melakukan perbincangan ringkas dengan para pelajar Malaysia yang sedang melanjutkan pelajaran di UEC. Menurut Mohd Juhar, perkongsian maklumat dan idea seumpama itu amat penting ke arah membentuk pemikiran yang lebih bersifat global sekaligus menyumbang kepada kejayaan dan kemajuan negara. Di akhir lawatan, delegasi dibawa melawat fasiliti-fasiliti yang ada termasuk makmal-makmal penyelidikan di dalam bidang robotik dan sains bahan.



BINCANG ... Mohd Juhar mempengerusikan majlis pertukaran ilmu bersama para pelajar Malaysia di UEC, Tokyo, Jepun.